

30/07/2001

Qabil jelas tiada tandingan

Mohd Ali Majid

QABIL Ambak menepati ramalan apabila muncul juara perseorangan show jumping Grand Prix Siri Pertama Liga Piala Dunia Asia Tenggara di Kejohanan Equestrian Antarabangsa Tenaga Nasional Berhad (TNB) 2001 di Kelab Polo dan Menunggang Selangor di Ampang semalam.

Bagaimanapun sebelum mencatat kemenangan itu dia diberi saingan ekuin pilihan, Cholda Weber dari Thailand, Nina Melkonian (Jerman) dan Adi Katompo (Indonesia).

Qabil yang mengesahkan tempat ke Sukan Sea di Kuala Lumpur September nanti menduduki tempat pertama dan keempat, mengetepikan cabaran 17 ekuin handalan dari beberapa negara termasuk Thailand, Indonesia dan Singapura.

Dalam sesi jump-off, dia yang memacu Red Cloud meraih tempat pertama dengan catatan masa, 34.08 saat, manakala dengan Camelias dia mencatat 38.40s tanpa penalti untuk tempat keempat.

Menurut Qabil, dia terpaksa berhati-hati dalam setiap lompatan kerana dia menggunakan dua kuda dan ini membuatkan masa catatan tidak begitu memuaskan.

Namun dia gembira dapat mengekalkan rentak dalam kedua-dua lompatan ketika menunggang Red Cloud dan Camelias.

Dalam saingan ini dia diikuti rapat Nina Melkonian yang ditabalkan sebagai ratu bahagian wanita kejohanan ini kelmarin yang menduduki tempat kedua.

Nina yang tidak asing di kalangan ekuin sebagai jurulatih di Kelab Menunggang dan Rekreasi Bukit Kiara menunggang Xulana dan mencatat 34.09s tanpa penalti.

Ekuin Thailand, Cholda Weber yang menjadikan kejohanan ini sebagai 'pemanas badan' sebelum beraksi di Sukan Sea nanti sekadar menduduki tempat ketiga.

Dengan memacu Hurricane, ekuin yang pernah mewakili Thailand di Sukan Asia Hiroshima 1994 dan Bangkok 1998 itu mencatat 37.52s.

Ekuin yang cuba mencipta nama sebaris dengan ekuin handalan negara, Norinne Dewal pula membuat kejutan apabila berjaya menduduki tempat kelima.

Dia yang baru kembali dari England dan menunggang Georgia VI membuat catatan masa 42.08s juga tanpa penalti.

Katanya, ini adalah penyertaan pertamanya selepas tamat pengajian undang-undang selama empat tahun di salah sebuah universiti di England.

Dia gembira dengan keputusan ini dan akan cuba memperbaiki dalam beberapa kejohanan yang akan diadakan nanti.

"Saya kini boleh memberi tumpuan kepada sukan ini dan berharap dapat menyertai beberapa kejohanan pada masa akan datang," katanya.

Katanya, kejohanan yang menjadi tumpuan ialah pada cabaran Piala Perdana di Bukit Kiara minggu depan siri kedua Liga Piala Dunia ini di gelanggang 3Q di Kuang, Selangor.

"Memandangkan peluang untuk Sukan Sea sudah tertutup saya kini memberi tumpuan untuk mencari tempat ke Sukan Asia di Pusan pula," katanya.

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang juga peminat sukan ekuin nombor satu negara turut menyaksikan pertandingan ini dan menyampaikan hadiah kepada pemenang.

Keputusan:

Show Jumping Grand Prix Siri Pertama Liga Piala Dunia Asia Tenggara - 1 Qabil Ambak (Mas) 34.08s; 2. Nina Melkonian (Jer) 34.49s; 3. Cholda Weber

(Tha) 37.52s; 4 Qabil Ambak (Mas) 38.40s; 5. Norinne Dewal (Mas) 42.08s.
(END)